



LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur
Peti Surat 12695, 50786 Kuala Lumpur
Tel :03-26982878 / 26107087 Fax :03-26936881
E-mel : info@lam.gov.my Web : www.lam.gov.my

PEKELILING AM BIL. 1/2016

PENGEMUKAAN SALINAN SIJIL PERAKUAN SIAP DAN PEMATUHAN (CCC) SECARA ATAS TALIAN (BORANG F / F1 DAN BORANG-BORANG G1 – G21)

Pekeliling Am ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua ahli berdaftar berkenaan kaedah pengemukaan salinan Borang F atau F1 dan Borang-borang G1 – G21 (CCC).

Berdasarkan kepada ketetapan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan pelaksanaan dalam pengemukaan CCC di Unit Pusat Setempat (OSC), Orang Utama Yang Mengemukakan (PSP) hendaklah mendeposit Borang F atau Borang F1 dan Borang-borang G1 – G21 di kaunter OSC Pihak Berkuasa Tempatan. Selaras dengan keperluan tersebut dan bagi tujuan mempercepatkan proses penghantaran tersebut maka Lembaga Arkitek Malaysia ("Lembaga") dengan ini melaksanakan/menguatkuasa pengemukaan CCC secara atas talian (online).

Bermula pada 1 April 2016, Lembaga mengkehendaki semua Arkitek yang bertindak sebagai PSP perlulah mengemukakan satu salinan CCC (Borang F atau Borang F1 dan Borang-borang G1 – G21) berserta dokumen sokongan yang berkenaan yang telah diimbas ke dalam format pdf secara atas talian dengan mendaftar masuk ke laman sesawang Lembaga di www.lam.gov.my.

Semua Arkitek yang bertindak sebagai PSP haruslah menghantar salinan asal Borang F atau Borang F1 (Salinan LAM) dan Borang-borang G1 – G21 berserta dokumen sokongan kepada Lembaga dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pengemukaan seperti yang disyaratkan di dalam uuk 25(3), UKBS 1984, melainkan jika salinan tersebut telahpun dihantar melalui Pihak Berkuasa Tempatan.

Dengan Perintah Lembaga Arkitek Malaysia,

(Ar. YONG RAZIDAH RASHID)
Pendaftar

1 April 2016